

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	8 SEPTEMBER 2016

## Tun M bantu Anwar cabar Akta MKN

Sinar Harian – 8 Sept 2016

KUALA LUMPUR - Tun Dr Mahathir Mohamad mengarahkan peguamnya untuk berurusan dengan pasukan peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai cara terbaik untuk menyokong permohonan bekas ketua pembangkang itu bagi mencabar Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016. Peguam Haniff Khatri Abdulla berkata, beliau diberikan arahan itu kelmarin, sehari selepas bekas Perdana Menteri itu hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semasa perbincaraan cubaan Anwar mendapatkan injunksi menghalang pelaksanaan akta itu.

“Saya diarahkan untuk berhubung dengan peguam Anwar dan mempertimbangkan bagaimana Tun (Dr Mahathir) boleh menyokong permohonan affidavit untuk mencabar Akta MKN ini.

“Saya akan berhubung dengan mereka (peguam Anwar) selewat-lewatnya minggu depan, dan apa-apa perkembangan mengenainya saya akan maklumkan dari masa ke semasa,” katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam. Haniff berkata, pihaknya sedang berusaha ke arah itu dan pihaknya berlapang dada sedia membantu barisan peguam Anwar. Kita bincang,,,lihat pada keperluan, selepas itu baru boleh susun gerak kerja berikutnya,” katanya merujuk kepada peguam Latheefa Koya, N. Surendran dan Eric Paulsen yang bertindak bagi pihak Anwar dalam kes itu.

Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini pernah memohon maaf atas pindaan perlembagaan yang menyebabkan kelulusan dan tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak lagi menjadi keperluan untuk menjadikan suatu akta sebagai undang-undang. Tegas Mahathir, Akta MKN yang diluluskan di Dewan Rakyat itu telah menghina peruntukan Perkara 38 (4) yang menyatakan tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

“Jelas sekali Akta MKN ini menceroboh kedudukan istimewa Majlis Raja-Raja dan bertentangan dengan hak Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat. Persetujuan dan tandatangan Yang di-Pertuan Agong masih diperlukan untuk meluluskan akta ini sebagai undang-undang,

Katanya, di bawah Fasal (3) Perkara 40, baginda boleh bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang bukan daripada jemaah menteri untuk jalankan mana-mana fungsinya, selain menurut budi bicaranya. Isnin lalu, bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar akta berkenaan dengan memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Saman itu difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui firma guaman Tetuan Daim & Gamany dengan Anwar sebagai plaintif menamakan Kerajaan Malaysia dan MKN sebagai defendan pertama dan kedua. Dalam permohonan itu Anwar mendakwa Akta MKN 2016 tidak berperlembagaan dan tidak sah kerana ia dikuatkuasakan menurut Fasal 66 (4A) Perlembagaan Persekutuan.